

# Pesta Kaamatan, Hari Gawai UMSKAL semai semangat 1Malaysia

UB 29.4.16 B6

LABUAN: Program Pesta Kaamatan dan Hari Gawai UMSKAL menyemai semangat 1Malaysia dalam kalangan mahasiswa anjuran Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UMSKAL Sesi 2015/2016.

Program akan berlangsung pada 14 Mei 2016 (Sabtu) bermula jam 7 petang, bertempat di Dewan Utama, Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL).

Program ini merupakan salah satu aktiviti yang diadakan secara berterusan sempena Pesta Kaamatan dan Hari Gawai Dayak bagi memberi peluang kepada semua warga UMSKAL terutama penuntut bumiputera Sabah dan Sarawak untuk menghargai semangat padi selepas musim menuai berlalu.

Ia sejajar dengan tema sambutan Pesta Kaamatan dan Hari Gawai 2016 iaitu ‘Keamanan dan Persahabatan’ atau dalam bahasa dusun ‘Pibasan Om Piombolutan’ dan bahasa Iban ‘Pengelikun Menua Serta Kaul Antara Pangan’.

Salah satu objektif program ini adalah untuk memperkenalkan sambutan Pesta Kaamatan dan Hari Gawai serta kebudayaan masyarakat Sabah dan Sarawak kepada warga UMSKAL, khususnya kepada mahasiswa berasal dari Semenanjung Malaysia dan mahasiswa dari luar



**ANTARA AJK pelaksana yang mengendalikan program ini.**

negara.

Hadir merasmikan program ialah Profesor Madya Dr Ismail Ali, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni Universiti Malaysia Sabah. Turut dijangka hadir Pengarah UMSKAL Profesor Madya Dr Murnizam Haji Halik, Pengerusi KDCA WP Labuan Peter Pikul dan

Pengerusi Persatuan Dayak WP Labuan (PDL) Andrew Lamit.

Antara pengisian program adalah pameran, pertandingan bola sepak, pertandingan sugandoi/pekit berlagu. selain itu, acara sukan tradisional turut diadakan seperti pertandingan tarik tali, pertandingan konda-kondi, pertandingan bowling

kelapa, pertandingan menyumpit, pertandingan melastik, pertandingan lari dalam karung, pertandingan rampanau, pertandingan tarik daun pinang/kelapa dan pertandingan baling selipar.

Pertandingan ‘Kumang Gawai’ dan ‘Unduk Ngadau’ merupakan acara kemuncak bagi Pesta Kaamatan dan Hari Gawai Pada Tahun ini.